**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 8 Jan 2021 (Jumaat)

**Berita Harian**

| | |
|---|---|
| 'Tindakan percaturan politik tidak kena pada masa' | 1 |
| Gangguan air di Petaling Jaya, Shah Alam, Klang | 2 |

**Utusan Malaysia**

| | |
|---|---|
| Tindakan JKR pilih kasih | 3 |
| MBSA kenal pasti 300 jalan perlu diselenggara | 4 |
| MAHB utamakan keselamatan penumpang | 5 |

**Harian Metro**

| | |
|---|---|
| Syarikat cemar alam didenda RM25k | 6 |

**Kosmo**

| | |
|---|---|
| 1.1j mi segera dirampas guna logo halal tanpa kebenaran | 7 |
| MBSA belanja RM28j turap jalan setahun | 8 |
| Syarikat logam didenda RM25,000 buang sisa industri | 9 |

**Sinar Harian**

| | |
|---|---|
| Mi segera guna logo halal tidah sah dirampas | 10 |

**Selangor TV**

| | |
|---|---|
| Kerajaan Negeri Sedia Bantu Pasar Produk Luar Bandar | 11 |
| Perigi Tujuh Dijadikan Tempat Warisan | 12 |
| Selangor Pertimbang Beri Insentif Khas 2.0 Kepada Pengusaha Pelancongan | 13 |
| Tambah Nilai Produk Pelancongan Sesuai Pandemik | 14 |
| Tingkat promosi pelancongan berimpak tinggi di Selangor | 15 |

**The Star**

| | |
|---|---|
| Six new faces among 19 councillors sworn in at MBSJ | 16 |

**New Straits Times**

| | |
|---|---|
| Water cuts in PJ, Shah Alam, Klang from Jan 12 | 17 |

**The Malaysian Reserve**

| | |
|---|---|
| Apex Equitty selling land in Shah Alam for RM37m | 18 |

**China Press**

| | |
|---|---|
| Menara MPKj closed for 3 days for disinfection | 19 |
| Rajiv: Make sure the people can afford it, RTK-Ag testing fee should be unified | 20 |
| Worried about infecting his wife and children, the Covid-19 infected father did not dare to go home | 21 |
| 30% of cases in Klang cannot be classifiedMost of it involves locals | 22 |
| 2 Facebook groups launched disaster relief, raised RM200,000 worth of supplies in 2 days | 23 |
| Metal product company fined RM25,000 for discharge excessive industrial waste water | 24 |
| Religious Affairs of Selangor has relaxed controls, limited only 500 Muslims to participate in Friday prayers. | 25 |
| Ng Sze Han encourages public complaints about road holes | 26 |
| The connection of new water pipes was carried out on Selangor Road, the water supply was cut off on the 12th in 36 areas. | 27 |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

Vacant land in Taman Sri Jambu turned into a leisure park 28

**Nanyang Siang Pau**
MPSJ welcomes 6 new members 29

**Guang Ming Daily**
Discharge excessive industrial waste water, metal product company fined RM25,000 30
A total of 4 Chinese, 17 city councillors in Selayang took the oath 31
Delivery of supplies, disinfection of disaster areas, DAP Unit Tindak Malaysia to assist the victims 32
Two party members of DAP clarified, unintentionally disturbing the old morning market 33

**Makkal Osai**
Water disruption 34

**Malaysia Nanban**
More people infected with Covid-19 in klang 35

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**8 January 2021**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 'Tindakan percaturan politik tidak kena pada masa' |
| Muka Surat | : | 15 |

# 'Tindakan percaturan politik tidak kena pada masa'

**Kuala Lumpur:** Tindakan beberapa pihak secara berterusan melakukan percaturan politik ketika rakyat negara itu berdepan ancaman pandemik COVID-19 dan bencana banjir, tidak kena pada masanya.

Ketua Penerangan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Wan Saiful Wan Jan, berkata sebarang bentuk percaturan politik, khususnya cadangan diadakan Pilihan Raya Umum (PRU) hanya wajar dilaksanakan apabila perkembangan pandemik COVID-19 berada pada tahap lebih baik dan terkawal.

Beliau berkata, dalam situasi sekarang, Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU yang bermesyuarat malam kelmarin mengambil ketetapan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat, khususnya dalam menghadapi penularan wabak COVID-19 dan bencana banjir ketika ini.

"BERSATU berpendirian PRU hanya wajar dilaksanakan apabila perkembangan pandemik COVID-19 berada pada tahap lebih baik dan terkawal.

"Oleh itu, agenda utama BERSATU ketika ini untuk menumpukan segala usaha serta tenaga bagi menangani pandemik COVID-19 dan memulihkan semula ekonomi negara," katanya menerusi kenyataan selepas menghadiri mesyuarat itu, malam kelmarin.

Mesyuarat selama kira-kira tiga jam itu dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, selaku Presiden BERSATU.



***Muhyiddin meninggalkan*** *ibu pejabat BERSATU selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU, semalam.* (Foto BERNAMA)

Yang turut hadir Timbalan Presiden, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; Naib Presiden, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee serta anggota Majlis Pimpinan Tertinggi iaitu Datuk Seri Mohamed Azmin Ali serta Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof dan Pengerusi Biro Perhubungan Pahang, Datuk Saifuddin Abdullah.

Wan Saiful berkata, sebagai parti yang mempelopori pembentukan kerajaan Perikatan Nasional (PN), BERSATU beriltizam mempertahankan kerjasama politik dipersetujui bersama parti dalam kerajaan itu, dengan berpaksikan agenda penyatuan ummah dan perpaduan seluruh rakyat.

Malah, beliau menegaskan, usaha itu akan diteruskan dengan adil dan saksama, bagi menjamin kesejahteraan rakyat terdiri semua lapisan agama, bangsa dan budaya.

"BERSATU juga meminta supaya semua pihak menunjukkan keikhlasan dan menzahirkan kesungguhan melalui disiplin organisasi yang tinggi bagi memastikan kerjasama politik yang diwujudkan melalui PN dapat terus dihormati dan dipelihara," katanya.

Dalam konteks PN, katanya, BERSATU akan terus memperkukuhkan kerjasama politik bersama parti anggota yang lain, iaitu PAS, Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>8 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Gangguan air di Petaling Jaya, Shah Alam, Klang |
| Muka Surat | : | 21 |



***Pengguna diingat menyimpan bekalan air*** *secukupnya berikutan gangguan bekalan air berjadual di tiga wilayah Selangor.* (Foto hiasan)

# Gangguan air di Petaling Jaya, Shah Alam, Klang

## Pengalihan, penyambungan paip baharu babit 22 kawasan bermula jam 9 pagi, 12 Januari ini

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 22 kawasan di Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang akan mengalami gangguan bekalan air berjadual mulai 12 Januari depan.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dalam satu kenyataan memaklumkan gangguan itu berlaku susulan kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu berhampiran Persiaran Selangor Seksyen 15, Shah Alam, yang bermula pada jam 9 pagi.

"Berikutan itu, sebanyak 22 kawasan di Wilayah Shah Alam, empat di Klang dan 10 kawasan di Petaling dijangka akan mengalami gangguan ekoran kerja berkenaan. Bekalan air akan pulih sepenuhnya pada 9 pagi, 14 Januari 2021," katanya.

Menurut kenyataan itu, tempoh gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan terjejas adalah berbeza dan bergantung kepada jarak lokasi premis pengguna serta tekanan sistem agihan.

Pengguna di kawasan terjejas dinasihatkan untuk menyimpan bekalan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemat, sepanjang tempoh gangguan bekalan air berjadual itu.

> ***Pelaksanaan kerja berkenaan akan membolehkan sistem pengagihan bekalan air sentiasa berada dalam keadaan optimum.***
>
> *Kenyataan pengurusan Air Selangor Sdn Bhd*

Air Selangor turut memaklumkan pelaksanaan kerja berkenaan akan membolehkan sistem pengagihan bekalan air sentiasa berada dalam keadaan optimum.

"Penambahbaikan infrastruktur paip ini juga adalah sebahagian usaha Air Selangor dalam meningkatkan pengalaman perkhidmatan terbaik demi keselesaan pengguna pada masa hadapan," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung gangguan bekalan air terbabit boleh melayari laman sesawang Air Selangor di www.airselangor.com serta merujuk saluran komunikasi rasmi seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter atau menghubungi Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300.

BERNAMA

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>8 January 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Tindakan JKR pilih kasih |
| Muka Surat | : | 19 |

# Tindakan JKR pilih kasih

**SAUDARA PENGARANG,**

**KEMALANGAN** membabitkan jalan berlubang di negara ini bukan sesuatu yang baharu sebaliknya berlaku hampir setiap hari sehingga banyak aduan yang dibuat kepada pihak berwajib.

Malangnya, banyak aduan yang dibuat dipandang sebelah mata oleh mereka, namun baru-baru ini apabila Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar terlibat dalam kemalangan selepas basikal yang ditunggangnya jatuh akibat mengayuh di laluan tidak rata di Jalan Kampung Sri Cheeding, Banting, Selangor mendapat tindakan segera dari Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Langat.

Bukan sahaja jalan tersebut diturap segera, malah pihak JKR turut membuat permohonan maaf secara terbuka di laman Twitter.

Tindakan pihak JKR tersebut dikecam teruk oleh orang ramai yang tidak puas hati dengan layanan yang dianggap *double standard*, sedangkan aduan yang dibuat oleh orang awam tidak pula mendapat layanan sebegitu.

Bahkan, menyebabkan keadaan jalan yang berlubang dibiarkan agak lama sebelum diturap oleh pihak berwajib sehingga berlaku kemalangan berulang kali.

Diharap pihak berwajib memberi layanan yang sama rata tanpa mengira status berhubung isu ini kerana ia melibatkan nyawa seseorang.



**KEADAAN Khairy Jamaluddin yang cedera di muka selepas terlibat dalam satu kemalangan semasa mengayuh basikal di Kampung Sri Chedding, Banting, baru-baru ini.**

**HASSAN MALIK**
Selangor

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR** | | |
|---|---|---|
| **8 January 2021** | | |
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | MBSA kenal pasti 300 jalan perlu diselenggara |
| Muka Surat | : | 29 |

# MBSA kenal pasti 300 jalan perlu diselenggara

**Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED**
utusannews@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Kira-kira 300 jalan di daerah ini perlu diselenggara terutama diturap semula bagi keselamatan pengguna.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim berkata, semua jalan bandaran itu melibatkan kawasan di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut termasuk di sekitar Sungai Buloh.

Beliau berkata, pihaknya menerusi Jabatan Kejuruteraan MBSA sentiasa memantau keadaan jalan terutama yang berusia lebih 10 tahun.

"Hasil pemantauan lanjut setakat ini mendapati hampir 300 jalan yang memerlukan penurapan semula.

"Oleh demikian, kita sedang menunggu peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS) untuk penyelenggaraan semua jalan itu," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran Management & Science University (MSU) Shah Alam Heritage Walk: Virtual Edition 2021 di sini, semalam.

Program yang menerapkan kesedaran budaya dan mempromosikan keunikan 17 mercu tanda bandar raya Shah Alam itu disempurnakan Presiden MSU, Prof. Tan Sri Dr. Mohd. Shukri Ab Yajid dan turut dihadiri Pengurus Besar Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad.

Mengulas lanjut, kata Haris, kos penurapan semula jalan itu kebiasaannya dianggarkan berjumlah RM28 juta setiap tahun.

"Kita akan melantik kontraktor menerusi proses tender atau sebut harga bagi melaksanakan kerja penurapan itu.

"Jumlah peruntukan yang disalurkan MARRIS dijangka bakal diperoleh pada Mac depan," katanya.

Dalam pada itu, tambahnya, MBSA turut mempunyai pasukan khas dikenali 'Road Gang' yang berfungsi membaiki jalan rosak menerusi aduan orang awam.

"Sepanjang tahun lalu, kita memperuntukkan kos berjumlah RM265,000 untuk menampal jalan tersebut.

"Kerja penampalan yang dilakukan pasukan itu melibatkan pembelian sebanyak 13,300 beg 'coalmix' (tar turapan jalan)," katanya.




**HARIS (dua kanan) dan Mohd. Shukri (dua kiri) pada majlis pelancaran program MSU Shah Alam Heritage Walk: Virtual Edition 2021 di kampus universiti itu di Shah Alam, Selangor, semalam. – FOTO ISKANDAR SHAH MOHAMED**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>8 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | MAHB utamakan keselamatan penumpang |
| Muka Surat | : | 35 |

# MAHB utamakan keselamatan penumpang

**KUALA LUMPUR:** Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menaik taraf lampu jalan di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk keselamatan orang ramai ke lapangan terbang itu.

Usaha tersebut dilakukan sejak Oktober lalu dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) yang turut melibatkan pembaikan 2,000 tiang lampu jalan dan rel.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MAHB, Datuk Mohd. Shukrie Salleh berkata, inisiatif itu adalah sebahagian daripada usaha pihaknya dalam menjaga keselamatan orang ramai.

"Keselamatan orang ramai adalah keutamaan kami. Kami sentiasa menerapkan langkah-langkah keselamatan di terminal termasuk perjalanan penumpang pergi dan balik dari lapangan terbang.

"Dengan perjalanan udara yang semakin meningkat, ia merupakan projek yang penting dan proses penyelesaiannya sudah mencapai 95 peratus setakat ini," katanya dalam satu kenyataan.

Kata Mohd. Shukri, selain penambahan tiang lampu jalan dan lampu di pagar, pembaikan akan turut melibatkan rel kawat dan rel pengawal.

Beliau berpendapat, usaha itu merupakan ucapan 'selamat kembali' kepada penumpang ke KLIA.

Bulan lepas, KLIA menyaksikan penyambungan semula penerbangan Cathay Pacific selepas tiga tahun. Turut kembali ke KLIA ialah Starlux Airlines yang menyambung penerbangannya awal bulan ini.

Penerbangan domestik juga sudah mula memperkenalkan laluan baharu dan menawarkan lebih banyak penerbangan susulan permintaan perjalanan udara yang semakin meningkat.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

## KERATAN AKHBAR
## 8 January 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Syarikat cemar alam didenda RM25k |
| Muka Surat | : | 8 |

# Syarikat cemar alam didenda RM25k

**Shah Alam:** Sebuah syarikat kerja logam didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana kesalahan melepaskan efluen perindustrian melebihi had piawaian ke perairan pedalaman pada Februari tahun lepas.

Hakim Rofiah Mohamad membuat keputusan itu selepas syarikat Omega Metal Sdn Bhd selaku orang kena saman (OKS) diwakili Pengarahnya, Chang Poay Hee mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibuat mengikut Peraturan 11(1)(a), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Rofiah dalam penghakimannya berkata, selepas meneliti hujah pendakwaan dan pembelaan, mahkamah mengenakan jumlah denda berkenaan memandangkan syarikat itu sudah melakukan usaha untuk mengelakkan kesalahan sama berulang.

Mengikut pertuduhan, syarikat itu didapati melepaskan efluen perindustrian melebihi had piawaian Standard A iaitu kandungan pepejal terampai dengan kepekatan 2,660 miligram perliter (mg/l) melebihi 50mg/l dibenarkan; besi pada kepekatan 20mg/l berbanding kadar satu mg/l dibenarkan dan zink pada kepekatan 15mg/l berbanding dua mg/l dibenarkan.



POAY Hee (dua dari kanan) mengaku bersalah atas pertuduhan kes pencemaran di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

Syarikat itu dituduh melakukan kesalahan itu di Taman Industri Integrasi Rawang pada 3 Februari tahun lepas.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Ir Zulaikha Mokhtar memohon mahkamah mengenakan hukuman sewajarnya terhadap syarikat berkenaan memandangkan kesalahan yang dilakukan melibatkan kepentingan awam.

"Satu hukuman yang sewajarnya perlu dikenakan ke atas syarikat ini kerana ia melibatkan pelepasan logam berat seperti besi dan zink yang diketahui sangat berbahaya kepada alam sekitar dan kesihatan awam. Laporan kimia menunjukkan terdapat pelanggaran melebihi 100 peratus bagi parameter berkenaan," katanya.

> *"Satu hukuman yang sewajarnya perlu dikenakan ke atas syarikat ini kerana ia melibatkan pelepasan logam berat seperti besi dan zink yang diketahui sangat berbahaya kepada alam sekitar dan kesihatan awam"*
>
> **Ir Zulaikha**

Peguam syarikat itu, Tan Shao Jia memohon mahkamah meringankan hukuman memandangkan ia adalah kesalahan pertama syarikat berkenaan sejak mula beroperasi pada 2002.

Tan berkata, anak guamnya juga sudah menubuhkan makmal dalaman selain mengupah kakitangan berpengalaman dan kompeten untuk mengawasi pelepasan efluen kilang itu agar kesalahan berkenaan tidak berulang.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**8 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | 1.1j mi segera dirampas guna logo halal tanpa kebenaran |
| Muka Surat | : | 3 |

# 1.1j mi segera dirampas guna logo halal tanpa kebenaran



**KPDNHEP Selangor merampas lebih 1.1 juta pek mi segera guna logo halal tanpa kebenaran dalam serbuan di Rawang semalam.**

**SHAH ALAM** – Perbuatan sebuah syarikat memproses mi segera mengaut untung dengan menggunakan logo halal tanpa kebenaran sejak dua bulan lalu mengundang padah selepas diserbu pihak berkuasa di Taman Industri Integrasi Rawang, dekat sini semalam.

Dalam kejadian pukul 12 tengah hari itu, sebanyak 1,128,872 pek mi segera dianggarkan bernilai RM1.49 juta disita menerusi Ops Halal dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan itu hasil maklumat dan risikan pihaknya sejak sebulan lalu terhadap penggunaan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) oleh syarikat berkenaan yang telah dibatalkan sejak Oktober tahun lalu.

Katanya, penarikan sijil halal itu berikutan kegagalan dalam mematuhi standard pemegang sijil halal seperti ditetapkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

"Ini termasuk premis kotor dan bahan mentah yang diletakkan di atas lantai kilang.

"Wakil syarikat memaklumkan telah membuat permohonan rayuan namun ditolak JAIS," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Muhamad Zikril, pihaknya turut menemui sejumlah 258 gulung, 2,696,00 unit plastik pembungkus dan hampir 42,000 unit kotak pembungkus yang menggunakan logo halal yang telah dibatalkan penggunaan oleh JAIS.

Jelasnya, kes disiasat mengikut Perenggan 4 Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 kerana membekalkan atau menawarkan makanan dengan membuat sebarang representasi bagi memperdayakan orang Islam bahawa makanan itu boleh dimakan.

"Sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM5 juta dan bagi kesalahan berikut, denda tidak lebih RM10 juta untuk perbadanan," ujarnya.

Jelas beliau, kes turut disiasat mengikut Peraturan 4 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**8 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | MBSA belanja RM28j turap jalan setahun |
| Muka Surat | : | 12 |



**ANGGOTA *Road Gang* melakukan kerja menampal jalan di sekitar Shah Alam baru-baru ini.**

# MBSA belanja RM28j turap jalan setahun

**SHAH ALAM** – Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengenal pasti hampir 300 jalan di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu yang perlu diselenggara.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim berkata, pihaknya melalui Jabatan Kejuruteraan MBSA sentiasa memantau keadaan jalan terutama yang berusia lebih 10 tahun.

"Hasil pemantauan mendapati hampir 300 jalan yang perlu diturap semula setakat ini.

"Kita masih menunggu peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan raya Malaysia yang dijangka diperoleh pada Mac ini," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Kos penurapan semula jalan yang rosak di bawah PBT itu dianggarkan berjumlah RM28 juta setiap tahun.

Haris menegaskan, pihaknya akan melantik kontraktor menerusi proses tender atau sebut harga bagi melaksanakan kerja penurapan jalan tersebut.

Dalam perkembangan sama, beliau menjelaskan, MBSA mempunyai pasukan khas dikenali *Road Gang* yang berfungsi membaiki jalan rosak menerusi aduan orang awam.

"Sepanjang tahun lalu, kita memperuntukkan sebanyak RM265,000 melibatkan pembelian sebanyak 13,300 beg tar bagi kerja-kerja menampal jalan rosak," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 8 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Syarikat logam didenda RM25,000 buang sisa industri |
| Muka Surat | : | 17 |

# Syarikat logam didenda RM25,000 buang sisa industri

**SHAH ALAM** – Tindakan sebuah syarikat kerja-kerja logam melepaskan sisa buangan perindustrian, tahun lalu membawa padah apabila didenda RM25,000 atas satu pertuduhan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Rofiah Mohamad memutuskan demikian selepas syarikat Omega Metal Sdn. Bhd. selaku orang kena saman (OKS) diwakili pengarahnya Chang Poay Hee mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, syarikat berkenaan didakwa melepaskan efluen perindustrian melebihi had piawai bagi standard A terhadap tiga parameter di perairan pedalaman meliputi kandungan pepejal terampai dengan kepekatan sebanyak 2,660 miligram perliter (mg/l) melebihi had dibenarkan 50mg/l.

Selain itu, besi pada kepekatan 20mg/l berbanding kadar dibenarkan satu mg/l dan zink pada kepekatan 15mg/l berbanding yang dibenarkan dua mg/l.

Perbuatan itu dilakukan di Lot 102, Jalan Industri 3/4, Taman Industri Integrasi Rawang, pukul 11.30 pagi pada 3 Februari tahun lalu.

Justeru, kesalahan dilakukan mengikut Peraturan 11 (1) (a), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum di bawah Peraturan 32, akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun, denda maksimum RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

Dalam prosiding tersebut, peguam Tan Shao Jia mewakili syarikat itu memohon hukuman diringankan berikutan ia adalah kesalahan pertama sejak beroperasi pada tahun 2002.

Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Ir. Zulaikha Mokhtar meminta hukuman sewajarnya kerana melibatkan kepentingan awam dengan pelepasan efluen itu seperti besi dan zink boleh membahayakan alam sekitar dan kesihatan awam.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 8 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Mi segera guna logo halal tidah sah dirampas |
| Muka Surat | : | 19 |

# Mi segera guna logo halal tidak sah dirampas

**RAWANG -** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor merampas produk mi segera bernilai RM1.49 juta dalam serbuan di sebuah syarikat di sini pada Rabu kerana menyalahgunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan jam 12 tengah hari itu mendapati syarikat terbabit menggunakan logo halal yang dibatalkan disebabkan operasi syarikat tersebut gagal mematuhi standard pemegang sijil halal ditetapkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Menurutnya, antaranya adalah kerana premis itu kotor dan bahan mentah diletakkan di atas lantai kilang.

"Ketika serbuan, kita menemui 1,128,872 pek mi segera pelbagai perisa menggunakan logo halal yang telah dibatalkan penggunaannya.

"Turut ditemui 258 gulung dan 2,696,00 plastik pembungkus dan hampir 42,000 unit kotak pembungkus yang menggunakan logo halal yang dibatalkan penggunaan oleh JAIS," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Katanya, wakil syarikat terbabit memaklumkan pihaknya membuat permohonan rayuan ke atas penarikan sijil halal syarikatnya, namun ditolak berikutan terdapat teguran yang dibuat gagal diambil tindakan sewajarnya dalam tempoh yang ditetapkan.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Perenggan 4 Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

"Penalti berat akan dikenakan terhadap mana-mana individu yang ingkar," katanya.



**KPDNHEP Selangor merampas produk mi segera bernilai RM1.59 juta dalam serbuan di sebuah syarikat di Rawang pada Rabu.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>7 January 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Kerajaan Negeri Sedia Bantu Pasar Produk Luar Bandar |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**7 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Selangor TV |
| Tajuk Berita | **:** | Perigi Tujuh Dijadikan Tempat Warisan |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>7 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Selangor Pertimbang Beri Insentif Khas 2.0 Kepada Pengusaha Pelancongan |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
